

UUM PERKENALKAN GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM KEPADA NCIA

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 06 September 2012 14:58

Kepada: UUM - All Staff

Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

6 SEPTEMBER 2012/ 19 SYAWAL 1433H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM PERKENALKAN GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS) KEPADA NCIA

NCRC ONLINE: NCRC-UUM telah mengadakan kunjungan hormat ke Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) pada 14 Ogos 2012 yang telah menyaksikan pertemuan di antara Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak dan Ketua Eksekutif NCIA, Dato' Redza Rafiq Abdul Razak di pejabat NCIA, Pulau Pinang bagi menyatakan hasrat beliau untuk mengujudkan Atlas NCER dengan menggunakan aplikasi *Geographical Information System* (GIS).

Kunjungan hormat tersebut turut dihadiri Pengarah NCRC, Prof. Madya Dr. Rohana Yusof, Ketua Kluster Kelestarian dan Pembangunan Koridor, En. Muhammad Ridhuan Bos Abdullah dan dua profesor pelawat iaitu Prof. Ravindra Nath Vyas dan Prof. Philippe Cadene adalah bertujuan memperkenalkan GIS sebagai salah satu alat sokongan dalam melaksana, memantau, menilai dan mempamerkan aktiviti pembangunan di NCER.

Pembentangan oleh Prof. Ravindra Nath Vyas dan Prof. Philippe Cadene telah menarik minat NCIA berkaitan keupayaan GIS menganalisa data yang juga merupakan salah satu aplikasi dalam *Geospatial Technologies in Development Planning*. Hasil pertemuan ini telah mendapat persetujuan bersama dan satu perbincangan yang lebih terperinci akan diatur untuk mengemukakan cadangan ini kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Tamat.